

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 13

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dasar Kementerian dalam menentukan struktur fi untuk pengamal perubatan am swasta di klinik swasta. Adakah Kementerian akan menyelaraskan fi pengamal perubatan swasta di hospital yang telah diluluskan pada tahun 2013.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kos rawatan pesakit di hospital dan klinik swasta adalah terdiri daripada fi perundingan dan tatacara serta lain-lain kos hospital dan klinik. Fi perundingan dan tatacara di hospital swasta adalah dipantau berpandukan Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013 di bawah Akta Kemudahan dan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Jadual ini menetapkan harga siling atau had maksimum untuk fi profesional iaitu fi perundingan dan fi tatacara pengamal perubatan atau pergigian swasta.

Manakala untuk klinik swasta pula, fi profesional yang dikenakan untuk perundingan dan tatacara perubatan adalah dikawal dibawah Jadual Ketujuh Peraturan-Peraturan Kemudahan dan

Perkhidmatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006. Jadual ini memperuntukkan fi profesional dalam julat fi yang diselaraskan. Dengan mengawal fi profesional melalui kedua-dua Jadual ini, rakyat akan dilindungi daripada dikenakan caj perkhidmatan kesihatan yang terlampau tinggi.

Walau bagaimanapun, selain daripada fi profesional, KKM tidak mengawal caj bagi penginapan, caj tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain-lain), caj ujian makmal dan caj ubat-ubatan.

Untuk makluman YB Klang, bagi menyelaraskan fi pengamal Perubatan swasta, KKM mengambil maklum akan kesukaran yang dihadapi oleh pengamal perubatan swasta yang berdepan dengan kenaikan kos dalam memberikan perkhidmatan perubatan kepada rakyat.

Di dalam mempertimbangkan cadangan semakan fi perundingan pengamal perubatan swasta ini, KKM telah mengambil kira pandangan pelbagai pihak. Selain daripada pengamal perubatan swasta, KKM juga telah mendapatkan pandangan daripada persatuan-persatuan pengguna dan majikan-majikan daripada pelbagai sektor industri. Sesi *town hall* yang melibatkan pengamal perubatan swasta dan pihak-pihak berkepentingan ini juga telah diadakan pada 27 Ogos 2018.

Cadangan semakan fi perundingan pengamal perubatan swasta ini telah pun diangkat ke Jemaah Menteri pada 24 April 2019 untuk persetujuan. Susulan daripada itu, Jemaah Menteri telah meminta agar cadangan ini dibincangkan terlebih dahulu di dalam Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara sebelum sebarang keputusan dapat diambil.

Sekian, terima kasih.